



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN**

PERTANDINGAN SENI KRAF KOLAJ SEKOLAH RENDAH

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA - NESTLÉ
Tahun 2025

TUJUAN

Tujuan kertas konsep ini adalah sebagai rujukan dan garis panduan kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah yang berminat untuk menyertai pertandingan seni kraf kolaj sekolah rendah KPM-NESTLÉ yang dianjurkan bagi murid sekolah rendah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

1 LATAR BELAKANG

Pertandingan ini adalah satu program pembangunan dan kecemerlangan seni visual yang dirancang untuk keberhasilan murid KPM dari sekolah rendah dalam mencungkil bakat mereka dalam seni visual diperingkat asas pendidikan disokong oleh mereka yang pakar serta jalinan kerjasama bersama rakan senergi NESTLÉ dalam mengupayakan kemahiran murid Kementerian Pendidikan Malaysia.

2 MATLAMAT

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada murid sekolah rendah KPM memperkembangkan bakat dan potensi melalui penganjuran pertandingan seni visual bagi memupuk minat lebih mendalam, memberi kesedaran dan kepekaan murid terhadap nilai murni dan estetika kesenian dalam bidang seni visual.

Kertas Konsep ini menyokong kepada Pelan Pendidikan Seni Kebangsaan (PPSK) 2021 – 2030:

2.1 Teras 1: Seni Untuk Semua:

- 2.1.1) Menjalankan 18 program kesenian wajib Majlis Kesenian Sekolah (MAKES) di pelbagai peringkat; dan
- 2.1.2) Perbanyakkan penyertaan murid sekolah dalam program kesenian yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

2.2 Teras 3: Pemantapan Jaringan Kesenian

2.3 Kolaboratif Seni Bersama GO/NGO/GLC dan Swasta.

Pertandingan ini secara amnya adalah untuk menyemarakkan penglibatan murid dalam kecemerlangan seni visual di pelbagai peringkat. Dengan usaha sama padu antara KPM dan rakan strategik seni visual, festival ini juga diharap akan menjadi satu aktiviti sebagai pemangkin dalam memperkasakan martabat Seni Visual Negara dipersada dunia.

3 RASIONAL

- 3.1 Memberi pendedahan kepada murid-murid KPM melalui kegiatan pemikiran, penerokaan dan reka bentuk dalam pelbagai jenis seni visual bagi menyatakan idea dan ekspresi diri;
- 3.2 Mengembangkan bakat seni yang ada di dalam jiwa murid ke arah hobi yang berfaedah;
- 3.3 Menyediakan platform kepada anak muda di Malaysia untuk menyerlahkan bakat dan mempamerkan hasil karya mereka; dan
- 3.4 Memberi pendedahan kepada masyarakat tentang aktiviti seni visual yang dijalankan di peringkat sekolah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa dengan secara terancang.

OBJEKTIF

- 4.1 Mencungkil dan mengasah bakat murid sekolah rendah dalam seni kraf kolaj dan memahami konsep seni visual ;
- 4.2 Menyediakan ruang yang lebih besar di peringkat kebangsaan untuk murid KPM mempamerkan bakat dalam bidang seni visual;
- 4.3 Membentuk dan membudayakan apresiasi terhadap nilai sesuatu karya lukisan; dan
- 4.4 Menambah jumlah pengiat seni visual muda di Malaysia.

5 MOD PROGRAM

- 5.1 Pertandingan Seni Visual ini terdiri mengetengahkan pertandingan seni kraf Kolaj sekolah rendah yang dirancang dari peringkat sekolah hingga ke peringkat kebangsaan .
- 5.2 Pertandingan ini ditawarkan secara percuma kepada murid yang berminat.
- 5.3 Pertandingan yang dijalankan adalah secara berperingkat iaitu pemilihan karya dari peringkat sekolah ke peringkat kebangsaan .
- 5.4 Tiga (3) karya terbaik dari setiap Zon yang dipertandingkan akan mewakili Zon ke peringkat kebangsaan.
- 5.5 Pertandingan yang ditawarkan ini mengikut mod pelaksanaan adalah seperti berikut

BIL	PERTANDINGAN	KATEGORI	UMUR	PELAKSANAAN
1	Pertandingan Seni Kolaj Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan	Sekolah Rendah	7 – 12 tahun 7-9 10-12 tahun 10-12 tahun	Peringkat Daerah Tahap 1 Tahap 2 (Pertandingan) Peringkat Zon Peringkat Kebangsaan

6 KUMPULAN SASARAN PENYERTAAN

- 6.1 Pertandingan ini terbuka kepada semua murid sekolah rendah (Tahun 1 hingga Tahun 6) enrolmen 2025 sekolah kerajaan / bantuan kerajaan.
- 6.2 Setiap penyertaan hendaklah mendapatkan pengesahan (surat iringan) dari JPN masing-masing

BIL	PERTANDINGAN	KATEGORI/ UMUR	PERINGKAT	JUMLAH PENYERTAAN
1	Pertandingan Seni Kolaj Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan	Sekolah Rendah 7 – 12 tahun Sekolah Rendah 10-12 tahun Sekolah Rendah 10-12 tahun	Daerah Peringkat Zon Peringkat Kebangsaan	Terbuka 5 kumpulan setiap Negeri 3 kumpulan setiap Zon

7. FORMAT PERTANDINGAN SENI KRAF KOLAJ SEKOLAH RENDAH

- 7.1 Penyertaan terbuka kepada semua murid sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan.
- 7.2 Penyertaan murid adalah secara **Kumpulan (1 Kumpulan 3 orang murid)**.
- 7.3 Pertandingan yang ditawarkan secara percuma.
- 7.4 Walau bagaimanapun, setiap murid hanya dibenarkan mengambil bahagian dalam **SATU PERYERTAAN KUMPULAN** sahaja.
- 7.5 Perincian setiap pertandingan adalah seperti dalam jadual yang disediakan:

Peringkat Daerah

PERTANDINGAN SENI KOLAJ SEKOLAH RENDAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2025	
Kategori	Murid Sekolah Rendah
Umur Peserta	7 hingga 12 tahun
Penyertaan	Secara Kumpulan (1 kumpulan 3 orang murid)
Jenis Karya	Seni Kraf kolaj
Medium	Kadbod Saiz A2
Bahan	Bebas
Saiz Karya	Kadbod A2 (594 mm x 420 mm) tidak termasuk bingkai
Tema & Topik	Tema: “Little Explorers of the Future” Topik: “Future For Me”
Pertandingan	<p>Penyertaan Secara dalam talian MICROSITE</p> <p>Muat naik:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Karya dalam format JPEG - Penerangan ringkas berkaitan idea kreatif karya <p>Muat naik dalam</p> <ul style="list-style-type: none"> - www.kokokrafclub.com
	** LUKISAN DIGITAL TIDAK DIBENARKAN

Peringkat Zon

PERTANDINGAN SENI KOLAJ SEKOLAH RENDAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2025	
Kategori	Murid Sekolah Rendah
Umur Peserta	10 hingga 12 tahun
Penyertaan	Secara Kumpulan (1 kumpulan 3 orang murid)
Jenis Karya	Seni Kraf kolaj
Medium	Kadbod Saiz A2
Bahan	Bebas (disediakan oleh pengajur)
Tempat	Ditentukan oleh pengajur
Saiz Karya	Kadbod A2 (594 mm x 420 mm) tidak termasuk bingkai
Tema	Tema: “Little Explorers of the Future” Topik: “Future For My Family”
Pertandingan	<p>Secara Bersemuka mengikut zon</p> <p>Zon Tengah</p> <p>(Selangor, WP KL, WP Putrajaya) 15 Kumpulan</p>

	<ul style="list-style-type: none">• 5 kumpulan setiap negeri <p>Zon Utara (Perak, Penang,Kedah,Perlis) 20 Kumpulan</p> <ul style="list-style-type: none">• 5 kumpulan setiap negeri <p>Zon Selatan (Melaka, Negeri Sembilan,Johor) 15 Kumpulan</p> <ul style="list-style-type: none">• 5 kumpulan setiap negeri <p>Zon Pantai Timur (Kelantan, Terengganu,Pahang) 15 Kumpulan</p> <ul style="list-style-type: none">• 5 kumpulan setiap negeri <p>Zon Borneo (Sabah, Sarawak ,Labuan) 15 Kumpulan</p> <ul style="list-style-type: none">• 5 kumpulan setiap negeri
	** LUKISAN DIGITAL TIDAK DIBENARKAN

Peringkat Kebangsaan

PERTANDINGAN SENI KOLAJ SEKOLAH RENDAH PERINGKAT KEBANGSAAN 2025	
Kategori	Murid Sekolah Rendah
Umur Peserta	10 hingga 12 tahun
Penyertaan	Secara Kumpulan (1 kumpulan 3 orang murid)
Jenis Karya	Seni Kraf kolaj
Tempat	Ditentukan oleh penganjur
Pertandingan	<p>Secara Bersemuka</p> <p>Setiap Zon menghantar 3 kumpulan terbaik ke peringkat Kebangsaan (15 Kumpulan)</p> <ul style="list-style-type: none">• 3 kumpulan setiap Zon
	** LUKISAN DIGITAL TIDAK DIBENARKAN

8 PENGIFTIRAFAN PENYERTAAN

Peserta akan mendapat pengiktirafan **PERINGKAT NEGERI** untuk penyertaan secara dalam talian manakala **PERINGKAT KEBANGSAAN** bagi penyertaan bersemuka berdasarkan Garis Panduan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) yang sedang berkuatkuasa.

9 BORANG PENYERTAAN

- 9.1 Pendaftaran penyertaan diperingkat daerah melalui laman sesawang www.kokokrafclub.com
 - 9.2 Wakil setiap zon perlu memastikan Borang A (*hardcopy*) dibawa ke pertandingan peringkat kebangsaan bagi kumpulan terpilih.
 - 9.3 Semua hasil karya akan menjadi hak milik pihak pengajur.
 - 9.4 Pihak pengajur berhak membuat reproduksi ke atas karya bagi tujuan publisiti, promosi, percetakan dan terbitan.
 - 9.5 Hasil karya hendaklah mematuhi syarat-syarat penyertaan dan penyertaan yang tidak mematuhi syarat akan dibatalkan

10 JANGKA MASA

11 PEMARKAHAN SENI KRAF KOLAJ SEKOLAH RENDAH

Markah Keseluruhan = **100 markah**

ASPEK PENILAIAN	
Prinsip Rekaan / Kekemasan Karya (Reka Letak/Gubahan Komposisi)	20 markah
Kreativiti	25 markah
Interpretasi	20 markah
Keaslian	15 markah
Ketepatan Tema	20 markah

12 PENGHAKIMAN

- 11.1 Lantikan panel hakim di bawah penyelarasan dari Unit Pembangunan dan Kecemerlangan Seni (UPKSe), BSKK, KPM dan NESTLÉ
- 11.2 Keputusan hakim adalah **MUKTAMAD**

13 CADANGAN TARIKH DAN TEMPAT MAJLIS PENUTUPAN PERINGKAT KEBANGSAAN

Tarikh :
Tempat :
Tetamu Kehormat :

14 HADIAH SETIAP PERINGKAT ZON

BIL	PERKARA	PEMILIHAN	CATATAN
1	Sekolah dengan penyertaan terbanyak di peringkat Daerah	Sebuah Sekolah Pemenang Penyertaan terbanyak akan dipilih mengikut zon yang telah ditetapkan	Hadiah RM1000

HADIAH SETIAP PERINGKAT ZON

BIL	PERKARA	CATATAN
1	Johan	Hadiah RM 2000 dan sijil
2	Naib Johan	Hadiah RM 1000 dan sijil
3	Tempat ke-3	Hadiah RM 600 dan sijil
4	Tempat ke-4	Hadiah RM 400 dan sijil
5	Tempat ke-5	Hadiah RM 400 dan sijil

HADIAH PERINGKAT KEBANGSAAN

BIL	PERKARA	CATATAN
1	Johan	Hadiah RM 2000 dan sijil
2	Naib Johan	Hadiah RM 1000 dan sijil
3	Tempat ke-3	Hadiah RM 600 dan sijil
4	Tempat ke-4	Hadiah RM 400 dan sijil
5	Tempat ke-5	Hadiah RM 400 dan sijil


BORANG PENYERTAAN

Pertandingan Seni Kraf Kolaj Sekolah Rendah Peringkat Kebangsaan

(Mohon diisi menggunakan *Font Arial*, Saiz 12, Huruf Besar)

1	JABATAN PENDIDIKAN NEGERI	
2	KATEGORI	PERTANDINGAN SENI KRAF KOLAJ SEKOLAH RENDAH PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2025
3	ZON	
4	NAMA PESERTA	
5	MYKAD PESERTA	
6	UMUR PESERTA	
7	NAMA IBU/BAPA/PENJAGA	
8	NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA	
9	NAMA SEKOLAH	
10	NAMA GURU PENASIHAT	
11	NO. TELEFON GURU	
12	TAJUK KARYA	
13	MEDIA/BAHAN YANG DIGUNAKAN	
14	SAIZ KARYA	
15	KETERANGAN KARYA (tidak lebih 30 patah perkataan)	

Contoh Seni Kraf Kolaj



Contoh Seni Kraf Kolaj

